

# **HUBUNGAN (Part 8)**

**Omar Nor Bin Abu Bakar, Mohd Hafizullah Amin Mat Noor & Mohd Roshan Bin Sarkarsi**

## **KESUNYIAN**

Kesunyian ialah perihal sunyi, keheningan, kelengangan, kesenyapan, kesepian dan segala apa yang berlaku disekeliling tidak dihiraukan. Akibat kesunyian terdapat beberapa permasalahan yang timbul seperti konflik diri, gejala sosial dikalangan remaja, keruntuhan rumah tangga, anak dara tua, bujang lapok, orang-orang tua yang terbiar dan orang asli yang ketinggalan.

## **FAKTOR-FAKTOR KESUNYIAN**

### Kurang mendapat belaian kasih sayang daripada ibu bapa

Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa sebab yang berkaitan dengan kurang belaian kasih sayang daripada ibu bapa iaitu:

1. Ibu bapa sibuk dengan kerjaya masing-masing dan tanggungjawab serta peranan diluar rumah yang akan memberikan rezeki dan kepuasan diri hasil titik peluh mereka dalam berkerja. Kesibukan yang melampau menyebabkan anak mereka mungkin terabai dan memberikan alasan kepada anak remaja untuk mencari perhatian daripada rakan dan teman yang dipercayai.
2. Sikap negatif ibu bapa akibat tekanan daripada pasangan mereka yang pemarah dan sering melakukan keganasan dalam rumah tangga dan mangsanya ialah anak remaja yang memerlukan kedua ibu bapa mereka untuk meneruskan kehidupan.

### Sikap

Sikap remaja itu sendiri yang pendiam atau tidak pandai bergaul dengan rakan sebaya agak sukar untuk memperoleh rakan seperjuangan atau sahabat. Selain daripada itu sikap kaum wanita yang kurang mementingkan kepuasan diri menyebabkan ramai dikalangan mereka menjadi anak dara tua. Kadang kala sikap negatif yang kecil atau dipandang ringan itu boleh mengakibatkan permasalahan yang besar akan timbul.

### Kejayaan dalam berkerjaya

Hubungan dalam kerjaya adalah berbeza dengan hubungan teman hidup. Hubungan dalam kerjaya mementingkan keuntungan organisasi dan kepuasan berkerja mencari rezeki. Namun begitu, hubungan teman hidup ini mementingkan kasih sayang dan keseronokan dalam erti kehidupan rumah tangga. Sehubungan itu, kesibukan berkerja meninggalkan kesan yang kurang baik terhadap tanggungjawab menjaga orang tua. Orang tua sering ditinggalkan dengan tanggapan mereka boleh hidup berdikari dan kurang memerlukan belaian kasih sayang.

### Kurang pembangunan dan perpaduan

Jarak yang jauh di antara penempatan orang asli dan bandar menyebabkan kurang pembangunan dan perpaduan dikalangan kaum lain yang terdapat dalam masyarakat Malaysia seperti Melayu, India, Cina dan sebagainya. Penempatan orang asli yang pedalaman dan jauh daripada kampung atau bandar merupakan salah satu faktor pembangunan yang kurang dicapai oleh mereka. Selain daripada itu, kurang pendidikan dan cita-cita orang asli untuk memajukan kaum mereka sendiri atau selesa dengan kehidupan mereka kini menyebabkan mereka ketinggalan dari segi teknologi dan perhubungan masa kini.